

## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### Lanjutan Program JaminKerja – Insentif Pengajian (Program JaminKerja 2.0)

#### PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL. 2/2022

#### **1. Apakah itu Program JaminKerja 2.0?**

- **Program JaminKerja 2.0** merupakan satu insentif kewangan sehingga RM42,000 yang diberikan kepada majikan bagi **permohonan yang dilakukan mulai 1 Ogos 2022** bagi pengambilan pekerja baharu mulai **1 Januari 2022**.
- Bantuan mobiliti sebanyak RM500.00 dibayar terus secara one-off kepada pekerja.
- Insentif ini dikhaskan kepada majikan yang mengambil pekerja baru dalam kalangan sektor Pelancongan, Wanita penggantian Pekerja Asing dan Pegawai Dagang, dan Golongan Rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain.

#### **2. Apakah objektif dan keistimewaan Program JaminKerja 2.0?**

- Merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta mengurangkan pengangguran.
- Membantu majikan untuk membina semula perniagaan selepas negara dilanda Covid-19.
- Meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan pencari kerja.
- Tiada had permohonan ditetapkan kepada pihak majikan mengikut kelayakan kategori yang digariskan.

3. Apakah insentif yang disediakan bagi kategori pengambilan di bawah Program JaminKerja 2.0

KATEGORI INSENTIF	SYARAT KELAYAKAN	TEMPOH PENGANGGURAN	DOKUMEN DIPERLUKAN	KADAR INSENTIF	TEMPOH INSENTIF	SYARAT GAJI MINIMA & TEMPOH KONTRAK
Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Wanita / Ibu tunggal / suri rumah yang tidak aktif bekerja</li> <li>Tawaran kerja secara fleksibel sekurang – kurangnya dalam tempoh 40 jam seminggu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 bulan pengangguran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja (lengkap mengandungi maklumat seperti gaji bulanan,minima waktu bekerja mingguan/ bulanan dan tandatangan majikan dan pekerja)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bulan 1- 6 30% dari gaji* pekerja</li> <li>Bulan 7-12 40% dari gaji* pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>12 bulan maksima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>minimum RM1,500</li> <li>Tetap/Kontrak minimum 12 bulan</li> </ul>
Pekerjaan dibawah sektor Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majikan dibawah sektor berkaitan Pelancongan mengikut pendaftaran SSM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 bulan pengangguran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lengkap mengandungi maklumat gaji dan tandatangan majikan dan pekerja)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bulan 1- 6 30% dari gaji* pekerja</li> <li>Bulan 7-12 40% dari gaji* pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>12 bulan maksima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>minimum RM1,500</li> <li>Tetap/Kontrak minimum 12 bulan</li> </ul>
Golongan Rentan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penerima Faedah SIP</li> <li>OKU</li> <li>Peserta Return To Work (RTW) PERKESO</li> <li>Golongan B40/Miskin Tegar/Asnaf</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>tiada tempoh pengangguran diperlukan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lengkap mengandungi maklumat gaji dan tandatangan majikan dan pekerja)</li> <li>Dokumen – dokumen pengesahan daripada Jabatan/badan berkenaan seperti JKM, Jabatan Penjara Malaysia dan lain -lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bulan 1- 6 30% dari gaji* pekerja</li> <li>Bulan 7-12 40% dari gaji* pekerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>12 bulan maksima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>minimum RM1,500</li> <li>Tetap/Kontrak minimum 12 bulan</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekas tentera</li> <li>Orang Asli</li> <li>Bekas Banduan/ Orang yang Diparol</li> <li>Pekerja berumur 50 tahun ke atas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 bulan pengangguran</li> </ul>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu menganggur bagi tempoh 180 hari dan ke atas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>6 bulan pengangguran</li> </ul>				

KATEGORI INSENTIF	SYARAT KELAYAKAN	TEMPOH PENGANGGURAN	DOKUMEN DIPERLUKAN	KADAR INSENTIF	TEMPOH INSENTIF	SYARAT GAJI MINIMA & TEMPOH KONTRAK
Penggantian Pekerja Asing dan Pegawai Dagang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi jawatan kemahiran rendah dan kemahiran tinggi (Pekerja tempatan yang menggantikan jawatan pekerja asing/pegawai dagang)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 bulan pengangguran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lengkap mengandungi maklumat gaji dan tandatangan majikan dan pekerja)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(Insentif bagi Majikan) Bulan 1- 6 20% dari gaji* pekerja  Bulan 7-12 30% dari gaji* pekerja  (Insentif bagi Pekerja) Bulan 1- 12  10% daripada gaji pekerja dibayar terus kepada pekerja (minima RM300)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>12 bulan maksima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>minimum RM 1,500 bagi Penggantian Pekerja Asing, RM 3,000 bagi Penggantian Pegawai Dagang Tetap/Kontrak minimum 12 bulan</li> </ul>

\*Gaji kasar maksimum RM 10,000

## Syarat-syarat tambahan permohonan Program JaminKerja 2.0

<b>SYARAT SYARAT TAMBAHAN</b> -	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Majikan <b>wajib</b> membayar gaji seperti yang diiklankan di dalam Portal MYFutureJobs.</li><li>2. Majikan <b>wajib</b> mengemaskini tarikh berhenti kerja dalam tempoh 48 jam di Portal Program JaminKerja – Insentif Penggajian <b>dan</b> Portal ASSIST sekiranya penerima insentif meletakkan jawatan.</li><li>3. Majikan dan pekerja hendaklah mematuhi garis panduan waktu bekerja yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955.</li><li>4. Majikan digalakkan mengambil calon pekerja dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs.</li><li>5. Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (<i>substitute</i>) dengan pekerja yang sama atau yang baharu untuk permohonan Program JaminKerja 2.0</li><li>6. Permohonan bagi majikan yang membayar gaji harian kepada pekerja adalah dibenarkan selagi mematuhi kadar minimum gaji asas (RM1500) yang pasti diterima oleh pekerja setiap bulan.</li><li>7. Majikan daripada semua kategori industri yang berdaftar dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2022 adalah layak untuk memohon Program JaminKerja 2.0.</li></ol>
--	---

	8. Tarikh akhir permohonan untuk Program JaminKerja 2.0 adalah pada 31 Disember 2022.
Bantuan Mobiliti	<b>Bayaran sebanyak RM500 secara one-off dibayar terus ke dalam akaun pekerja</b>
Dokumen sokongan	Penyata bank akan diminta oleh PERKESO sekiranya perlu

**Dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut kategori kelayakan:**

Kategori Kelayakan	Dokumen/Maklumat Pengesahan
OKU	Hanya memerlukan Nombor Kad OKU
SIP / Pekerja Diberhentikan	Notis Pemberhentian sekiranya pemohon adalah bukan pencarum SIP
Orang Asli	Surat Beranak / Pengesahan JAKOA
Bekas Tentera/Polis	Kad Pengenalan Tentera / Kad Pesara Polis
Bekas Banduan/Orang Diselia/ Orang Diparol	Pengesahan Jabatan Penjara Malaysia & Kementerian Dalam Negeri
Golongan B40/Miskin Tegar/Asnaf	Pengesahan Ketua Kampung/Jabatan Kebajikan Masyarakat/Zakat

#### **4. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan Program JaminKerja 2.0?**

- Majikan wajib mendaftarkan kekosongan pekerjaan di Portal MYFutureJobs melalui laman sesawang [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)
- Majikan wajib memastikan pekerja telah berdaftar dengan Portal MYFutureJobs sebagai pencari kerja.
- Permohonan Program JaminKerja 2.0 boleh dilakukan di laman sesawang <https://jaminkerja.perkeso.gov.my> untuk pengambilan pekerja selepas 1 Januari 2022.
- Majikan akan menerima kelulusan pekerja yang layak dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima dan disemak.
- Bayaran insentif pertama kepada majikan akan terus dikreditkan **selepas 2 bulan caruman wajib kepada PERKESO** dilakukan, manakala bayaran insentif ketiga dan seterusnya akan dikreditkan kepada majikan setiap bulan.
- Permohonan JaminKerja2.0 boleh dibuat melalui laman sesawang Program JaminKerja - Insentif Penggajian <https://jaminkerja.perkeso.gov.my> mulai 1 Ogos 2022.
- Majikan juga boleh membuat semakan status permohonan melalui skrin utama <https://jaminkerja.perkeso.gov.my>

#### **5. Majikan yang TIDAK LAYAK memohon Program JaminKerja 2.0?**

- Agensi Pekerjaan Swasta ataupun Syarikat Penyumberan Luar (*Outsourcing / Contract for Service*) yang memberikan perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada perusahaan lain (*principal*) dan bukannya sebagai majikan utama.
- Walaubagaimanapun, Agensi Pekerjaan atau Syarikat Penyumberan Luar yang bertindak sebagai majikan langsung, yang melaksanakan pembayaran gaji dan caruman pekerja adalah layak untuk membuat permohonan bagi insentif ini.

**6. Apakah yang perlu dilaksanakan oleh majikan untuk mendapatkan insentif?**

- Majikan perlu memastikan bayaran gaji seperti yang ditawarkan di surat tawaran kerja dan bayaran caruman PERKESO(Akta 4 dan Akta 800) dan KWSP dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

**7. Siapakah yang TIDAK LAYAK mendapat insentif di bawah Program JaminKerja 2.0?**

- Pekerja yang sedang menerima Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Subsidi Upah di bawah Program PenjanaKerjaya/JaminKerja.
- Pekerja yang berhenti secara sukarela kecuali dengan tempoh 2 bulan pengangguran (*prolonged unemployment*)
- Pelajar praktikal atau individu yang masih belum tamat pengajian.
- Ibu bapa, suami atau isteri, adik-beradik, anak dan sesiapa yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang diambil sebagai pekerja.
- Pekerja bukan warganegara.
- Pekerja yang dipohon dan pada masa yang sama merupakan pemilik perniagaan.
- Pekerja yang kehilangan pekerjaan yang diambil semula oleh majikan yang sama kecuali penerima faedah SIP. Walaubagaimanapun, sekiranya pekerja tersebut tidak bekerja dengan majikan tersebut selama tempoh 6 bulan, maka majikan tersebut layak untuk memohon insentif di bawah Program JaminKerja 2.0.
- Pemilik perniagaan yang memohon untuk dirinya sendiri.

**8. Apakah kategori yang tidak memerlukan tempoh pengangguran**

- Permohonan bagi kategori Orang Kurang Upaya, Penerima faedah SIP/Peserta Return To Work (RTW) dan Golongan B40/miskin tegar/asnaf.

**9. dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah Program JaminKerja 2.0?**

- Maklumat akaun bank majikan (salinan hadapan yang tertera nama majikan), nombor akaun majikan dan nama bank.
- Maklumat nombor pendaftaran perniagaan **majikan yang telah**

**disahkan oleh pihak Bank** (Business Registration Number - BRN)

- Maklumat akaun bank pekerja (salinan halaman hadapan Penyata Bank yang tertera nama pekerja, nombor akaun pekerja, nombor kad pengenalan dan nama bank)
- Borang Pengesahan Pekerja yang telah ditandatangani oleh pekerja dan majikan.

**10. Bagaimanakah pembayaran insentif di bawah Program JaminKerja 2.0 dibayar kepada majikan?**

- Pembayaran akan dikreditkan ke **akaun syarikat (majikan)** sekiranya permohonan memenuhi syarat dan telah diluluskan.
- Pembayaran Bantuan Mobiliti dan Insentif Penggantian Pekerja Asing dan Pegawai Dagang kepada pekerja akan dikreditkan ke **akaun pekerja** sekiranya permohonan telah memenuhi syarat dan telah diluluskan
- Bayaran insentif pertama kepada majikan akan terus dikreditkan selepas 2 bulan caruman wajib kepada PERKESO dilakukan, manakala bayaran insentif ketiga dan seterusnya akan dikreditkan kepada majikan setiap bulan.

**11. Bilakah tarikh tutup permohonan Program JaminKerja 2.0?**

- Tarikh akhir permohonan untuk insentif lanjutan Program JaminKerja 2.0 adalah pada **31 Disember 2022**.

**12. Adakah majikan akan menerima insentif di bawah Program JaminKerja 2.0 sekiranya pekerja tersebut meletakkan jawatan?**

- Majikan akan menerima bayaran insentif bagi bulan pekerja bekerja sahaja (**dengan syarat kontrak perkhidmatan 1 tahun bagi kategori yang dipohon**).

**13. Adakah majikan layak memohon Program JaminKerja 2.0 sekiranya perantis bagi permohonan terdahulu diserap sebagai pekerja tetap?**

- Ya. Majikan layak bagi kategori-kategori yang bersesuaian di bawah Program JaminKerja 2.0.

**14. Apakah yang boleh dilakukan oleh pekerja sekiranya majikan yang menyertai JaminKerja tidak membayar gaji pekerja, memotong gaji, mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji ataupun memberhentikan perkhidmatan pekerja?**

- Pekerja boleh menyemak senarai nama majikan yang telah diluluskan permohonan Program JaminKerja 2.0 di laman web PERKESO <https://jaminkerja.perkeso.gov.my>
- Pekerja juga boleh membuat aduan atau pertanyaan berhubung Program JaminKerja 2.0 di <https://eaduansip.perkeso.gov.my>
- Sebarang masalah perburuhan di luar program ini, pekerja juga boleh merujuk kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di talian 03-8890 3404 atau 03 -8886 2409 atau emel di [jtksm@mohr.gov.my](mailto:jtksm@mohr.gov.my)

**15. Bagaimanakah semakan status permohonan boleh dilakukan oleh pihak majikan?**

- Majikan dan pekerja boleh membuat semakan status permohonan secara dalam talian di Sistem Program JaminKerja-Insentif Penggajian di laman sesawang <https://jaminkerja.perkeso.gov.my>

**16. Apakah tindakan yang boleh diambil PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah palsu atau tidak benar?**

PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- **Menolak permohonan atau menangguh dan memberhentikan bayaran** sekiranya majikan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu atau tidak benar sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, juga sekiranya majikan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
- **Menggantung permohonan baru** daripada majikan yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.
- **Mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran** yang telah dibayar sekiranya majikan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu atau tidak benar yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut

Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 03-80915300 / 1-300-22-8000 atau aduan secara atas talian melalui <https://eaduansip.perkeso.gov.my>

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**DIKEMASKINI PADA 8 OGOS 2022**